

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN

BAHASA MELAYU

1103/1

TINGKATAN 4

Kertas 1

2023

2 Jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

SETCADANGANJPNMELAKA2023@PPT

BAHAGIAN A (30 Markah)

Maklumat di bawah berkaitan dengan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Huraikan pendapat anda tentang **Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)** kepada masyarakat dan negara.

Panjang huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

TVET merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. TVET ialah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. Program ini bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu. Skop TVET perlu berdasarkan standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.moe.gov.my/en/maklumat-umum-tvet>



SOALAN BAHAGIAN B

(70 markah)

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 sehingga 500 patah perkataan.

1.

Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia pada tahun 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Pengiktirafan ini diharapkan akan dapat menyemarakkan lagi budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pelbagai aktiviti boleh dijalankan di sini, seperti kempen membaca untuk pengguna tren komuter, program membaca di perumahan rakyat, capaian digital untuk golongan kurang upaya dan kedai buku terbuka.

*Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*

Petikan di atas menunjukkan sebahagian daripada usaha-usaha bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Ulasakan.

2.

Program Kitar Semula bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai pendidikan alam sekitar pada peringkat awal, iaitu seawal sekolah rendah hingga ke peringkat menengah. Program ini sekali gus mendatangkan impak positif bukan hanya di sekolah, malahan ke peringkat daerah, negeri mahupun negara. Usaha ini turut dilihat amat penting bagi mewujudkan sekolah sebagai institusi yang ceria, bersih dan kondusif sekali gus memberikan suasana persekitaran yang selesa kepada warga sekolah.

(Sumber : *Berita Harian Online*, 19 September 2018)

Petikan di atas menunjukkan pihak sekolah memikul tanggungjawab untuk memberi kesedaran dan menggalakkan murid-murid mengamalkan kitar semula.

Tulis sebuah syarahan yang bertajuk “Usaha-usaha Menggalakkan Amalan Kitar Semula”.

3.

Belia merujuk kepada mereka yang berusia antara 15 hingga 30 tahun. Belia sebagai kumpulan yang memiliki sifat bersedia menerima pemikiran baharu, sedia melakukan pengembaraan sama ada secara pemikiran mahupun secara fizikal, berani mengambil risiko, berani meneroka dunia baharu dan melakukan pelbagai percubaan. Dalam masa yang sama belia digesa menggunakan kesempatan masa muda dengan sebaik-baiknya untuk berusaha melakukan kebaikan demi mencapai kejayaan.

Dipetik dan diubah suai daripada *Belia perlu terbabit secara langsung dalam Pembangunan Negara*, Berita Harian Online, 19 Mei 2023

Berdasarkan petikan di atas, huraikan tindakan-tindakan boleh anda lakukan dalam menghadapi cabaran pada masa hadapan.

4.

Setiap di antara kita pasti gemar untuk melancong ke pusat pelancongan seperti pantai, pulau dan sebagainya. Selain menikmati keindahan suasana dan pemandangan, kebanyakan antara kita melancong untuk beristirahat setelah penat menghabiskan masa membanting tulang di tempat kerja. Pengalaman melancong akan lebih seronok jika pusat pelancongan yang ditujui memberikan layanan serta fasiliti bertaraf antarabangsa seperti melancong di negara asing. Maka, setiap antara kita perlu memainkan peranan untuk memajukan sektor pelancongan di Malaysia.

Sumber : <https://www.irujukan.my>)

Petikan di atas jelas menunjukkan sektor pelancongan di negara kita berkembang dengan pesat. Semua pihak seharusnya memainkan peranan untuk memastikan sektor pelancongan sentiasa menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara. Bincangkan.